

# Geng pecah rumah putih mata

**BANDAR KINRARA**—Usaha tiga ahli geng pecah rumah memasuki sebuah unit rumah teres dua tingkat di Bandar Kinrara 4, di sini, petang kelmarin gagal apabila gerak geri mereka yang mencurigakan disedari jiran bersebelahan mangsa.

Difahamkan, dalam kejadian kira-kira 12.30 tengah hari itu, tiga suspek termasuk seorang wanita berusia awal 30an dikatakan berlegar sekitar taman perumahan berkenaan sebelum mengenal pasti sebuah rumah untuk melakukan jenayah itu.

Pengerusi Persatuan Penduduk Bandar Kinrara 4, Edwin Tang berkata, jiran mangsa memaklumkan kepadanya, ketiga suspek menaiki Toyota Wish berwarna biru gelap sebelum memberhentikan kenderaan mereka di hadapan rumah jirannya.

Menurutnya, ketika mendekati rumah itu, seorang wanita turun daripada kereta dan memanggil peng-

huni dalam rumah dengan panggilan 'hello'.

"Selepas beberapa kali membuat sedemikian dan memastikan tiada orang dalam rumah, wanita itu kemudian memanjat pagar dan memasuki kawasan rumah jirannya.

## tiga penjenayah

"Wanita berkenan kemudian membuka kunci pintu yang menempatkan tong sampah dari dalam sebelum seorang lagi lelaki yang berada dalam kereta memasuki rumah jirannya melalui ruangan untuk meletakkan tong sampah terbabit," katanya.

Edwin berkata, selepas berjaya menembusi rumah berkenaan melalui pintu kecil yang menempatkan tong sampah, wanita terbabit kemudian keluar dari pagar menerusi pintu sama, namun tidak memasuki


S.H 26/02/09 M157 kereta tersebut.

"Suspek wanita itu hanya berdiri di luar pagar dan memastikan keadaan sekeliling bagi memberi perlindungan untuk rakannya mengumpul pintu pagar mangsa.

"Sementara itu, rakan wanita terbabit berusia 30an dan dipercayai warga asing itu bertindak mengumpul pintu mangsa menggunakan pemutar skru," katanya.

Beliau berkata, perlakuan mereka yang mencurigakan disedari jiran bersebelahan yang bertindak merekodkannya menggunakan kamera video tanpa disedari suspek," katanya.

"Jiran mangsa yang menyedari rumah jirannya dimasuki penjenayah menghubungi polis sebelum bertanya kepada suspek apa dicari mereka. Suspek yang ketakutan kemudian keluar menerusi pintu kecil sebelum melarikan diri dan dikejar jiran hingga kira-kira 100 meter," katanya.



● Mangsa (kanan) menceritakan kejadian itu kepada Edwin (kiri).

Malah kata beliau lagi, jiran mangsa yang membawa sebatang kayu sempat memukul suspek beberapa kali, bagaimanapun kesemua mereka berjaya melarikan diri menaiki kereta mewah dipandu seorang lagi rakan mereka yang menunggu di dalamnya.

Menurutnya, suspek berputih mata kerana tidak sempat melarikan barang

berharga kerana kegiatannya dipatahkan jiran bersebelahan yang bertindak menegurnya.

Edwin berkata, kejadian pecah rumah boleh dikatakan sudah melebihi 10 kali dalam tempoh enam bulan di kawasan sama.

"Dua hari lalu, ada beberapa suspek yang memecah masuk rumah mangsa melalui bumbung,

namun dapat melarikan diri. Malah saya juga mendapat tahu ada, suspek yang melakukan jenayah pecah rumah ketika waktu hujan bagi mengelakkan jiran menyedari kegiatan mereka itu," katanya.

Sehubungan itu, pihaknya memohon polis mengandakan rondaan dalam usaha mencegah jenayah di kawasan berkenaan.